

HUBUNGAN ANTARA TAHAP PENGETAHUAN GURU SEJARAH DENGAN PENERAPAN EMPATI SEJARAH SEKOLAH RENDAH

[THE RELATIONSHIP BETWEEN HISTORY TEACHERS' KNOWLEDGE AND THE APPLICATION OF HISTORICAL EMPATHY IN PRIMARY SCHOOLS]

ADILAH SARIDI ^{*1} & ANUAR AHMAD¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: P144747@siswa.ukm.edu.my

Received: 18 December 2025

Accepted: 10 January 2025

Published: 21 January 2026

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan guru Sejarah dengan penerapan empati sejarah dalam pengajaran di sekolah rendah. Empati sejarah merupakan kemahiran afektif dan kognitif yang membolehkan murid memahami peristiwa masa lalu melalui sudut pandang manusia yang hidup dalam konteks zamannya. Dalam pendidikan abad ke-21, keupayaan ini menjadi asas kepada pembelajaran bermakna yang membentuk pemikiran reflektif, nilai kemanusiaan serta kefahaman terhadap kepelbagaian perspektif sejarah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan dengan melibatkan 41 orang guru sejarah sekolah rendah di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Instrumen soal selidik lima skala Likert dibina untuk menilai dua konstruk utama iaitu tahap pengetahuan guru dan amalan penerapan empati sejarah dalam pengajaran. Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan guru sejarah berada pada aras tinggi, manakala penerapan empati sejarah juga tinggi dan signifikan secara statistik dengan korelasi positif yang kukuh ($r = 0.919$, $p < 0.001$). Keputusan ini membuktikan bahawa penguasaan ilmu kandungan dan pedagogi guru menjadi faktor penting dalam membina pengalaman pembelajaran sejarah yang bersifat insani dan reflektif. Kajian ini menyarankan agar latihan profesional guru Sejarah memberi penekanan terhadap pendekatan pedagogi berasaskan empati bagi memperkukuh pembangunan pemikiran sejarah dan pembentukan karakter murid.

Kata Kunci: Empati sejarah, pengetahuan guru, pedagogi reflektif, pendidikan Sejarah, sekolah rendah.

Abstract: This study examines the relationship between primary school history teachers' level of historical knowledge and their use of historical empathy in classroom teaching. Historical empathy refers to both the emotional and cognitive ability to understand the past from the perspectives of people who lived during that time. In 21st-century education, this skill is essential for developing reflective thinking, moral values, and respect for diverse historical viewpoints. A quantitative survey was conducted with 41 history teachers in Kota Kinabalu, Sabah, using a five-point Likert-scale questionnaire measuring two constructs: teachers' knowledge of history and their application of historical empathy in teaching. The results showed that both knowledge level and empathy-based teaching practices were high, with a strong positive correlation ($r = 0.919$, $p < 0.001$). This indicates that teachers with stronger historical knowledge are more likely to implement empathy-based approaches in the classroom. The study concludes that both content mastery and pedagogical skills are essential for promoting meaningful and human-centred historical learning. It is recommended that teacher training programs place greater emphasis on empathy-focused instructional strategies to support the development of students' historical thinking and moral understanding.

Keywords: historical empathy, teacher knowledge, history pedagogy, reflective learning, primary education.

Cite This Article:

Adilah Saridi & Anuar Ahmad. (2026). Hubungan Antara Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Dengan Penerapan Empati Sejarah Sekolah Rendah [The Relationship Between History Teachers' Knowledge And The Application Of Historical Empathy In Primary Schools]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 6(1): 34-45.

PENGENALAN

Pendidikan Sejarah di sekolah rendah berperanan besar dalam membentuk asas pemikiran sejarah dan nilai kemanusiaan dalam kalangan murid. Pengajaran Sejarah tidak seharusnya dilihat sebagai hanya sekadar subjek untuk mempelajari fakta, tarikh atau tokoh penting dalam peristiwa sejarah tetapi sebagai wadah untuk memahami makna di sebalik peristiwa serta meneliti tindakan manusia dalam konteks masa dan nilai zamannya. Sejarah pada asasnya ialah kisah tentang manusia, tentang pilihan dan akibat, tentang perjuangan dan kesedaran terhadap nilai kemanusiaan. Oleh itu, pendidikan Sejarah di peringkat awal perlu dipelajari untuk membantu menanam minat, kepekaan dan kemampuan mereka untuk berfikir secara reflektif terhadap peristiwa yang membentuk dunia di sekeliling mereka.

Dalam konteks pendidikan abad ke-21, keupayaan untuk berfikir secara kritikal dan memahami sesuatu isu daripada pelbagai sudut pandang menjadi asas kepada pembelajaran bermakna. Kurikulum Sejarah di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) turut menekankan pembentukan pemikiran Sejarah yang membolehkan murid menganalisis, menilai dan menghargai pengalaman manusia masa lalu. Keupayaan ini bukan hanya akan menyumbang kepada pencapaian akademik, tetapi juga dapat membina jati diri, semangat patriotik dan sikap toleransi dalam masyarakat majmuk. Maka, pengajaran Sejarah perlu melangkaui hafalan fakta kepada proses memahami makna serta nilai yang tersirat di sebalik setiap peristiwa.

Empati sejarah muncul sebagai elemen penting yang memperkayakan pengalaman pembelajaran murid. Endacott dan Brooks (2013) menjelaskan bahawa empati sejarah ialah keupayaan kognitif dan afektif untuk memahami tindakan manusia berdasarkan konteks sosial dan budaya pada zamannya.

Empati sejarah membolehkan murid menyelami perspektif tokoh masa lalu, menilai dilema moral yang dihadapi, serta menghargai keputusan yang diambil dalam keadaan yang berbeza daripada dunia mereka hari ini. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pengajaran Sejarah di sekolah rendah masih berdepan dengan pelbagai cabaran. Hasil kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang digunakan oleh sebahagian guru masih lagi bersifat konvensional, berpusat kepada guru dan hanya menekankan hafalan fakta semata-mata. Pendekatan ini tidak mendorong murid untuk berfikir secara mendalam, sebaliknya menjadikan Sejarah sebagai mata pelajaran yang pasif dan membosankan. Dalam keadaan ini, peluang untuk menerapkan empati sejarah dalam diri murid menjadi terhad.

Pengetahuan guru merangkumi dua aspek utama iaitu pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi. Menurut Shulman (1986), gabungan kedua-dua aspek ini membentuk

Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) yang menjadi asas kepada pengajaran berkesan. Guru yang menguasai kandungan sejarah dengan baik serta tahu cara menyampaikannya secara kontekstual akan lebih berupaya membimbing murid memahami sejarah sebagai bidang ilmu yang hidup dan relevan. Kajian ini dijalankan untuk meneliti hubungan antara tahap pengetahuan guru sejarah dengan penerapan empati sejarah dalam pengajaran di sekolah rendah. Fokus diberikan kepada guru di daerah Kota Kinabalu, Sabah, yang mewakili konteks pendidikan pelbagai latar sosio-budaya. Kajian terhadap literatur berkaitan menjadi asas penting dalam memahami bagaimana pengetahuan guru mempengaruhi penerapan empati sejarah dalam pengajaran. Berdasarkan analisis pelbagai sumber, tiga tema utama dikenal pasti, iaitu:

- (1) Konsep empati sejarah sebagai asas pemikiran sejarah
- (2) Pengetahuan guru Sejarah dan peranannya dalam pedagogi reflektif
- (3) Hubungan antara pengetahuan guru dengan penerapan empati sejarah dalam bilik darjah.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mencapai beberapa objektif yang jelas untuk menentukan tahap pengetahuan guru Sejarah sekolah rendah di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, kajian ini turut bertujuan menilai tahap penerapan empati sejarah dalam pengajaran Sejarah di sekolah rendah. Seterusnya, kajian ini berusaha mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan guru Sejarah dengan penerapan empati sejarah dalam pengajaran. Kesemua objektif ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang menyeluruh tentang peranan pengetahuan guru dalam membentuk pengajaran Sejarah yang lebih bermakna dan berupaya memupuk empati sejarah dalam kalangan murid.

SOROTAN LITERATUR

Empati Sejarah sebagai Asas Pemikiran Sejarah

Empati sejarah bukanlah konsep baharu dalam pendidikan sejarah, namun sering disalah tafsir sebagai sekadar perasaan simpati terhadap tokoh atau peristiwa masa lalu. Sebenarnya, empati sejarah ialah keupayaan kognitif dan afektif untuk memahami tindakan manusia dalam konteks zamannya. Ashby dan Lee (1987) menjelaskan bahawa empati sejarah menuntut murid berfikir secara mendalam tentang sebab sesuatu peristiwa berlaku dan bagaimana nilai, kepercayaan serta keadaan sosial ketika itu membentuk tindakan manusia. Dimensi kognitif empati sejarah membantu murid menilai bukti dan menganalisis pelbagai perspektif, manakala dimensi afektif membolehkan mereka menyelami dilema moral dan emosi yang dihadapi oleh manusia masa lalu. Endacott dan Brooks (2013) menghuraikan bahawa empati sejarah ialah proses membina makna melalui interaksi antara masa kini dan masa lalu. Murid bukan sekadar menilai fakta, tetapi belajar menimbang keputusan manusia dengan mengambil kira konteks budaya, politik dan moral pada zamannya.

Kajian Barton dan Levstik (2004) pula menegaskan bahawa pengajaran yang menekankan empati dapat membantu murid membina hubungan antara identiti diri dengan

sejarah bangsa. Melalui pendekatan ini, sejarah bukan lagi dilihat sebagai senarai fakta yang statik, tetapi sebagai kisah manusia yang penuh nilai perjuangan dan kemanusiaan. Dalam konteks Malaysia, empati sejarah penting bagi memupuk pemahaman rentas budaya dan membina semangat perpaduan nasional. Murid yang berempati dapat menghargai kepelbagaian latar masyarakat dan memahami cabaran yang dihadapi oleh tokoh-tokoh terdahulu dalam membentuk negara bangsa.

Pengetahuan Guru Sejarah dan Peranan dalam Pedagogi Reflektif

Peranan guru dalam membina empati sejarah bergantung kepada tahap pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap sifat sejarah sebagai disiplin ilmu. Shulman (1986) memperkenalkan konsep Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) yang menegaskan bahawa pengajaran berkesan berlaku apabila guru bukan sahaja menguasai kandungan, tetapi juga memahami cara menyampaikannya kepada murid. Guru yang memahami sejarah sebagai proses tafsiran akan membimbing murid menilai sumber, menyoal secara kritikal dan membandingkan pelbagai perspektif. Sebaliknya, guru yang berpengetahuan terhad cenderung mengajar dengan pendekatan hafalan tanpa ruang untuk tafsiran dan refleksi. Wineburg (2001) menjelaskan bahawa pemahaman sejarah yang mendalam lahir daripada kemampuan berfikir seperti sejarawan. Guru yang memiliki pengetahuan luas tentang sejarah dapat mendorong murid menganalisis bukti dan membina hujah berdasarkan data sejarah, bukan sekadar mengulang isi buku teks. Dalam konteks Malaysia, guru Sejarah yang berpengetahuan mendalam tentang sejarah kebangsaan dapat mengaitkan fakta dengan konteks sosial dan budaya tempatan, menjadikan pembelajaran lebih dekat dengan kehidupan murid.

Selain penguasaan kandungan, pengetahuan guru turut meliputi kefahaman terhadap tahap perkembangan kognitif dan afektif murid. Piaget (1952) menyatakan bahawa murid sekolah rendah berada pada tahap operasi konkrit dan memerlukan pendekatan pengajaran yang bersifat naratif, visual serta kontekstual. Guru yang memahami tahap perkembangan ini akan memilih strategi seperti penceritaan, lakonan dan simulasi sejarah bagi membolehkan murid “mengalami” sejarah secara lebih dekat. Pendekatan ini bukan sahaja menarik minat, tetapi turut membina empati secara semula jadi. Namun begitu, kajian oleh Endacott (2014) mendapati ramai guru pra-perkhidmatan masih kabur terhadap konsep empati sejarah. Walaupun mereka mengajar topik yang melibatkan konflik atau dilema moral, mereka kurang jelas tentang bagaimana untuk membantu murid menilai situasi sejarah melalui sudut pandang tokoh. Hal ini menunjukkan keperluan latihan guru yang memberi tumpuan kepada pendekatan empatik dan reflektif dalam pengajaran sejarah.

Hubungan antara Pengetahuan Guru dan Penerapan Empati Sejarah

Hubungan antara pengetahuan guru dengan penerapan empati sejarah telah dibuktikan dalam pelbagai kajian antarabangsa dan tempatan. Guru yang memiliki pengetahuan mendalam tentang struktur sejarah lebih berupaya merancang aktiviti pengajaran yang menggalakkan empati. VanSledright (2011) menunjukkan bahawa guru yang memahami pelbagai perspektif sejarah mendorong murid untuk menilai sesuatu isu secara kritikal dan berfikir seperti

sejarawan. Mereka menggalakkan murid membuat tafsiran berdasarkan bukti, bukan menerima naratif tunggal secara pasif.

Dalam konteks Malaysia, kajian Tumiran et al. (2025) membuktikan bahawa pengetahuan guru sejarah berkait rapat dengan keupayaan mereka membina nilai kemanusiaan dalam pengajaran. Guru yang menguasai kandungan sejarah dengan baik mampu menonjolkan nilai perpaduan, pengorbanan dan keadilan dalam pengajaran mereka. Murid pula dapat melihat sejarah sebagai kisah manusia yang membentuk jati diri bangsa. Pengetahuan yang mendalam memberi guru keyakinan untuk menggunakan strategi pembelajaran aktif seperti perbincangan kumpulan, inkuiri sejarah dan pembelajaran berasaskan projek yang menyokong pembinaan empati sejarah.

Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa guru yang memahami sifat interpretatif sejarah cenderung mengaitkan pengajaran dengan isu nilai dan moral. Hal ini kerana empati tidak hanya dibina melalui pengetahuan, tetapi melalui pengalaman pengajaran yang menghubungkan emosi dengan bukti sejarah. Guru berpengetahuan tinggi mampu mewujudkan situasi pembelajaran yang mendorong murid memahami tindakan manusia dalam konteks kemanusiaan, bukan sekadar menilai betul atau salah sesuatu peristiwa. Guru yang berpengetahuan luas bukan sahaja menyampaikan fakta, tetapi juga menghubungkannya dengan nilai kemanusiaan yang mendasari setiap peristiwa. Empati sejarah berfungsi sebagai jambatan antara fakta dengan makna, antara pengetahuan dengan keinsafan. Oleh itu, latihan guru dan pembangunan profesional perlu memberi penekanan terhadap integrasi antara pengetahuan kandungan dan pedagogi empatik agar pengajaran Sejarah di sekolah rendah menjadi wahana pembinaan insan, bukan sekadar pencapaian akademik.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan untuk menilai hubungan antara tahap pengetahuan guru Sejarah dengan penerapan empati sejarah dalam pengajaran di sekolah rendah. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai corak dan kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah secara objektif serta mendapatkan gambaran empirikal tentang fenomena yang dikaji. Reka bentuk kajian ini berasaskan kaedah tinjauan deskriptif-korelasi. Kaedah ini membolehkan pengkaji meneliti hubungan antara dua pemboleh ubah utama, iaitu tahap pengetahuan guru Sejarah dan penerapan empati sejarah dalam pengajaran.

Populasi terdiri daripada guru-guru Sejarah sekolah rendah di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Sebanyak 41 orang guru dipilih sebagai sampel kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan. Instrumen kajian ialah soal selidik berskala Likert lima mata yang dibina berdasarkan kajian lepas serta disesuaikan dengan konteks tempatan. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian: maklumat demografi, tahap pengetahuan guru, dan penerapan empati sejarah dalam pengajaran. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach menunjukkan ketekalan dalaman yang tinggi bagi kedua-dua konstruk (0.91 dan 0.93). Nilai min yang diperoleh melalui data soal selidik telah ditafsirkan dengan merujuk kepada julat interpretasi yang disarankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006).

Jadual 1 : Skor Min dan Intepretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 1.89	Sangat Rendah
1.90 hingga 2.69	Rendah
2.70 hingga 3.49	Sederhana
3.50 hingga 4.29	Tinggi
4.30 hingga 5.00	Sangat Tinggi

Sumber : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006)

Analisis Deskriptif

Analisis data dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 27. Analisis deskriptif digunakan bagi menentukan tahap pengetahuan dan tahap penerapan empati sejarah, manakala analisis korelasi Pearson digunakan untuk menilai hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah.

ANALISIS DATA

Tahap Pengetahuan Guru Sejarah

Hasil analisis deskriptif menunjukkan tahap pengetahuan guru Sejarah berada pada aras tinggi dengan nilai min 4.41 dan sisihan piawai 0.37. Dapatan ini menandakan bahawa guru-guru Sejarah di daerah Kota Kinabalu memiliki pemahaman yang baik terhadap isi kandungan sejarah, pendekatan pedagogi dan kemahiran berfikir sejarah. Guru sedar bahawa pengajaran Sejarah tidak boleh dipisahkan daripada konteks sosial dan budaya yang melingkunginya. Dapatan juga menunjukkan guru berupaya mengaitkan peristiwa sejarah dengan kehidupan murid. Misalnya, dalam topik pembentukan Malaysia, guru mendorong murid memahami erti kompromi, perpaduan dan tanggungjawab dalam kalangan tokoh terdahulu. Ini selaras dengan pandangan Shulman (1986) bahawa pengetahuan isi kandungan dan pedagogi saling melengkapi dalam membentuk pengajaran berkesan. Guru yang memahami sejarah secara mendalam dapat menstrukturkan isi pengajaran dengan lebih bermakna dan menyesuaikan dengan keperluan murid. Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan pandangan Barton dan Levstik (2004) yang menyatakan bahawa guru yang berpengetahuan tinggi tentang sejarah cenderung membimbing murid berfikir secara reflektif, bukan sekadar mengingat fakta. Dalam konteks ini, tahap pengetahuan guru menjadi asas penting untuk membentuk pedagogi empatik yang menanam nilai kemanusiaan dalam kalangan murid. Keseluruhan data yang dianalisis dalam bahagian ini dirangkumkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Analisis Tahap Pengetahuan Empati Guru Sejarah

Item Soal Selidik	Min	Sisihan	Tahap
Saya faham perubahan dan kesinambungan dalam sejarah melalui cerita sejarah pada zaman tersebut	3.93	0.69	Tinggi
Saya tahu bagaimana tokoh kemerdekaan menunjukkan	4.12	0.64	Tinggi

semangat dan perasaan rakyat ketika itu.			
Saya faham bahawa tindakan tokoh sejarah perlu difahami berdasarkan konsep masa ketika itu dan tidak boleh disamakan dengan zaman sekarang.	4.20	0.75	Tinggi
Saya boleh kenal pasti sebab dan akibat sesuatu peristiwa sejarah dan bagaimana ia memberi kesan kepada rakyat.	3.93	0.69	Tinggi
Saya boleh mengaitkan bagaimana Bahasa Melayu dapat menyemai semangat cintakan negara.	4.07	0.57	Tinggi
Saya faham maksud nasionalisme melalui kisah perjuangan rakyat dalam sejarah negara.	4.15	0.73	Tinggi
Saya tahu latar belakang Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan bagaimana ia membentuk jati diri rakyat.	3.93	0.61	Tinggi
Saya boleh terangkan kepentingan Rukun Negara dalam menyatukan rakyat dan menggalakkan perasaan saling menghargai antara kaum.	4.02	0.76	Tinggi
Saya faham isu-isu sejarah yang berkait dengan hubungan kaum dan cara membina perpaduan.	4.10	0.7	Tinggi
Saya tahu bagaimana sejarah negara memberi kesan terhadap pembentukan nilai dan pemupukan empati dalam kalangan masyarakat.	3.98	0.72	Tinggi

Tahap Penerapan Empati Sejarah dalam Pengajaran

Tahap Penerapan Empati Sejarah dalam Pengajaran

Analisis terhadap tahap penerapan empati sejarah menunjukkan nilai min 4.36 dan sisihan piawai 0.41, menggambarkan tahap yang tinggi. Guru menggunakan pelbagai strategi bagi membantu murid memahami perasaan dan dilema tokoh sejarah seperti penceritaan, perbincangan kumpulan dan lakonan semula peristiwa. Pendekatan ini memberi peluang kepada murid untuk membayangkan pengalaman manusia pada masa lalu dan menilai keputusan yang dibuat dalam konteksnya. Guru turut mengemukakan soalan reflektif seperti “*Bagaimanakah perasaan rakyat ketika itu?*” atau “*Mengapa tokoh tersebut mengambil keputusan sedemikian?*” bagi merangsang imaginasi empatik murid. Ini menunjukkan kesedaran guru terhadap keperluan mengimbangi aspek kognitif dan afektif dalam pengajaran sejarah. Dapatan ini mengukuhkan pandangan Endacott dan Brooks (2013) bahawa empati sejarah melibatkan proses memahami tindakan manusia berdasarkan bukti dan konteks sejarah yang sebenar. Pendekatan berasaskan empati menjadikan sejarah lebih hidup dan bermakna kepada murid. Ia bukan sekadar menghafal fakta, tetapi membantu mereka memahami sebab dan akibat tindakan manusia serta nilai moral yang mendasarinya. Dalam konteks pendidikan abad ke-21, strategi ini selaras dengan matlamat pembelajaran bermakna yang membina pemikiran reflektif dan kemanusiaan. Kesemua item soal selidik bagi bahagian ini dan dapatan data telah disenaraikan dalam jadual 3.

Jadual 3 : Analisis Tahap Penerapan Empati Sejarah dalam Pengajaran

Item Soal Selidik	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya membantu murid memahami latar belakang sosial dan politik sesuatu peristiwa sejarah.	4.02	0.65	Tinggi
Saya menerangkan konteks budaya yang mempengaruhi tindakan individu dalam sejarah.	4.05	0.67	Tinggi
Saya membimbing murid memahami situasi geopolitik semasa sesuatu era sejarah.	3.85	0.61	Tinggi
Saya mendorong murid melihat peristiwa sejarah daripada sudut pandang individu yang terlibat.	3.66	0.73	Tinggi
Saya membantu murid memahami dilema yang dihadapi oleh tokoh sejarah.	3.71	0.78	Tinggi
Saya membincangkan pelbagai perspektif terhadap sesuatu peristiwa sejarah.	3.76	0.73	Tinggi
Saya mengajak murid membayangkan perasaan individu pada masa lalu dalam situasi tertentu.	3.83	0.59	Tinggi
Saya membina empati murid terhadap perjuangan masyarakat tertindas dalam sejarah.	4.15	0.73	Tinggi
Saya mengaitkan pengajaran sejarah dengan perasaan simpati terhadap mangsa ketidakadilan sejarah.	3.85	0.94	Tinggi
Saya menghubungkan pembelajaran sejarah dengan nilai kemanusiaan sejagat.	4.05	0.92	Tinggi

Hubungan antara Tahap Pengetahuan Guru dan Penerapan Empati Sejarah

Ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang sangat kuat dan signifikan antara tahap pengetahuan guru Sejarah dengan penerapan empati sejarah dalam pengajaran ($r = 0.919$, $p < 0.001$). Ini bermakna guru yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang sejarah lebih berupaya menerapkan empati dalam bilik darjah. Pengetahuan sejarah yang kukuh memberi keyakinan kepada guru untuk menafsir peristiwa, membimbing murid menilai bukti dan memahami konteks sosial serta moral di sebalik sesuatu peristiwa. Hubungan ini selaras dengan kajian VanSledright (2011) yang menegaskan bahawa pemahaman mendalam terhadap sifat interpretatif sejarah membantu guru menggalakkan murid menilai pelbagai perspektif secara kritikal. Dalam konteks tempatan, dapatan ini menyokong kajian Tumiran et al. (2025) yang menunjukkan bahawa pengetahuan guru sejarah berkait rapat dengan keupayaan mereka membina nilai kemanusiaan dan patriotisme dalam pengajaran. Jadual 4 menunjukkan nilai korelasi antara tahap pengetahuan guru Sejarah dan penerapan empati sejarah.

Jadual 4: Nilai korelasi antara tahap pengetahuan guru Sejarah dan penerapan empati sejarah

Pemboleh Ubah	Penerapan Empati Sejarah
Tahap Pengetahuan Guru Sejarah	0.919**

Nota: ** $p < 0.01$

Secara keseluruhannya, hubungan yang signifikan ini membuktikan bahawa pengetahuan guru berperanan sebagai asas utama dalam pembinaan pedagogi empatik. Guru yang memahami sejarah dengan baik akan mengajar bukan sahaja untuk “memberitahu apa yang berlaku”, tetapi untuk membantu murid memahami “mengapa ia berlaku” dan “bagaimana manusia pada masa lalu berfikir serta bertindak”.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini diuraikan melalui tiga fokus utama, iaitu tahap pengetahuan guru sejarah, peranan guru sebagai pemudahcara dalam membina empati sejarah, serta cabaran menterjemah pengetahuan tersebut kepada amalan pedagogi yang benar benar bermakna. Ketiga tiga fokus ini dibincangkan dengan menghubungkan dapatan kajian dengan asas teori dan penyelidikan lepas bagi memberikan penjelasan yang lebih kritikal, menyeluruh dan berlandaskan asas akademik yang kukuh.

Tahap Pengetahuan Guru Sejarah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru sejarah sekolah rendah memiliki tahap pengetahuan sejarah yang tinggi, dengan semua item dalam konstruk mencatat nilai min melebihi 3.90. Skor tertinggi berkaitan pemahaman konteks masa menggambarkan bahawa guru sedar bahawa tindakan tokoh sejarah tidak boleh dinilai dengan moraliti masa kini. Hal ini menandakan kewujudan asas literasi sejarah yang kukuh, kerana sejarah ialah bidang ilmu yang menuntut pemahaman konteks dan perubahan. Seperti yang dijelaskan oleh Endacott dan Brooks (2013), empati sejarah hanya dapat berkembang apabila seseorang memahami dunia pemikiran dan struktur masyarakat yang membentuk tindakan manusia pada masa lalu.

Walau bagaimanapun, pengetahuan yang tinggi tidak semestinya menjamin pelaksanaan pedagogi yang mendalam. Kajian Yilmaz (2007) menunjukkan bahawa guru sering mengelirukan empati dengan simpati walaupun mereka memahami konsep tersebut pada tahap teori. Kekeliruan ini menimbulkan persoalan kritikal tentang sejauh mana pengetahuan yang dimiliki benar benar diterjemah kepada pengajaran yang membantu murid menilai sejarah secara reflektif. Di samping itu, kajian Elizabeth Sating dan Anuar Ahmad (2024) menegaskan bahawa imaginasi sejarah hanya dapat terhasil apabila guru mempunyai keupayaan membina gambaran berasaskan bukti, konteks dan pelbagai perspektif. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan tersebut kerana guru yang memahami sifat dinamik sejarah lebih berupaya membimbing murid melihat peristiwa bukan sebagai maklumat statik, tetapi sebagai tindakan manusia yang dipengaruhi pelbagai faktor sosial dan budaya.

Implikasinya, tahap pengetahuan sejarah yang tinggi perlu dilihat sebagai keperluan profesional bagi guru sejarah. Pengetahuan bukan sekadar untuk menyampaikan fakta, tetapi menjadi asas kepada pengajaran yang mencetuskan analisis, refleksi dan penghargaan terhadap makna kemanusiaan dalam sejarah. Guru yang benar benar memahami sejarah mampu menjadikan naratif sejarah sebagai wahana memperkaya pemikiran murid, bukannya sekadar memenuhi tuntutan peperiksaan.

Peranan Guru sebagai Pemudahcara Penerapan Empati Sejarah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru memainkan peranan penting sebagai pemudahcara dalam membentuk empati sejarah murid. Item berkaitan pemahaman latar sosial, membina empati terhadap perjuangan masyarakat tertindas dan mengaitkan pembelajaran sejarah dengan nilai kemanusiaan menunjukkan nilai min yang tinggi, melebihi 4.00. Ini menggambarkan satu perubahan signifikan daripada pendekatan pengajaran yang bersifat hafalan kepada pendekatan yang menggalakkan murid memahami sejarah sebagai pengalaman manusia yang kaya dengan dilema dan nilai moral.

Pendekatan ini selari dengan teori konstruktivis Vygotsky (1978) yang menekankan bahawa pembelajaran yang bermakna berlaku melalui interaksi dan penerokaan yang dibimbing oleh guru. Kajian Siti Hawa Abdullah dan Aini Hassan (2007) juga mendapati bahawa penerapan empati sejarah dapat mengurangkan kebosanan murid serta meningkatkan minat dan pemahaman mereka terhadap sejarah. Guru yang berjaya membawa murid melihat sejarah melalui perspektif pelaku masa lalu menjadikan proses pembelajaran lebih hidup dan relevan. Namun, perbincangan ini tidak lengkap tanpa melihat kekangan yang wujud. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek empati yang memerlukan murid membina perspektif tokoh dan memahami dilema moral mereka mendapat skor yang lebih rendah. Ini menunjukkan bahawa amalan empati sejarah masih cenderung kepada penjelasan konteks dan belum menyeluruh melibatkan penerokaan perspektif. Dapatan ini seiring dengan analisis Anuar Ahmad et al. (2009) yang menegaskan bahawa kompetensi pedagogi guru dipengaruhi oleh latihan profesional, beban tugas dan budaya sekolah yang masih meletakkan penekanan utama kepada penyampaian isi kandungan.

Implikasi penting daripada dapatan ini ialah keperluan memperkukuh latihan guru dengan memberi penekanan kepada strategi pengajaran empati sejarah seperti pembinaan naratif sejarah, penulisan catatan tokoh, analisis dilema moral dan simulasi situasi sejarah. Guru memerlukan model pedagogi yang jelas, bahan yang sesuai dan masa yang mencukupi untuk melaksanakan pendekatan reflektif yang dapat menyuburkan pemikiran empati dalam kalangan murid.

Cabaran Menterjemah Pengetahuan kepada Amalan Pedagogi Empati Sejarah

Walaupun guru mempunyai pengetahuan yang tinggi dan menunjukkan kecenderungan positif terhadap penerapan empati sejarah, dapatan kajian menunjukkan wujudnya jurang yang jelas antara apa yang diketahui dengan apa yang diamalkan. Dapatan ini sejalan dengan kajian Shakila Dahalan et al. (2021) yang melaporkan bahawa guru memahami kepentingan empati sejarah tetapi sering berdepan kesukaran melaksanakannya secara menyeluruh dalam pengajaran harian. Kekeliruan antara empati dan simpati seperti yang dibangkitkan oleh Yilmaz (2007) menjadi salah satu punca utama. Apabila guru gagal membezakan kedua-duanya, pengajaran boleh berubah menjadi terlalu emosional tanpa pemahaman terhadap struktur sosial dan politik masa lalu.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa elemen empati sejarah yang paling mencabar ialah aspek imaginatif yang memerlukan murid meneroka perspektif tokoh sejarah,

memahami dilema moral dan menilai tindakan pelaku mengikut konteks zamannya. Ini memperlihatkan bahawa pengajaran empati sejarah masih lebih bersifat kognitif daripada afektif, walaupun kedua-duanya perlu bergerak seiring. Perkara ini selari dengan dapatan Ooi Wan Yee et al. (2021) yang melaporkan bahawa guru yang tidak mendapat latihan khusus lebih cenderung kembali kepada pendekatan tradisional berbentuk hafalan, terutamanya apabila berdepan kekangan masa dan beban tugas. Dari sudut teori, keadaan ini mengukuhkan lagi pemikiran dalam model Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan yang dikemukakan oleh Shulman (1986). Model tersebut menegaskan bahawa pengajaran berkesan memerlukan gabungan antara pengetahuan kandungan, pedagogi dan kefahaman terhadap konteks pembelajaran. Dalam konteks empati sejarah, guru bukan sahaja memerlukan pengetahuan fakta, tetapi juga kebolehan mengolahnya menjadi pengalaman pembelajaran yang menyentuh dimensi nilai, moral dan kemanusiaan.

Implikasi praktikal daripada dapatan ini amat penting. Guru memerlukan latihan profesional yang memberi tumpuan kepada cara melaksanakan empati sejarah secara realistik di bilik darjah. Latihan perlu menyediakan pendekatan yang membantu guru merancang aktiviti reflektif, mengurus masa pengajaran dan memanfaatkan sumber sejarah seperti naratif primer, gambar, catatan tokoh dan teknologi digital yang mampu memberi pengalaman imersif kepada murid. Di samping itu, murid memerlukan peluang untuk berbincang, menilai dilema moral dan memahami pelbagai perspektif tanpa dibatasi tekanan menyelesaikan sukatan pelajaran. Cadangan Kajian juga menunjukkan terdapat keperluan terhadap pemerkasaan pembangunan profesional guru serta sekolah. Sekolah perlu memberi ruang kepada pengajaran reflektif, dan sumber pembelajaran perlu diperbanyakkan agar empati sejarah dapat diolah menjadi amalan yang konsisten dalam PdP. Hanya dengan sokongan sistemik, pengetahuan sejarah yang tinggi dalam kalangan guru dapat diterjemah kepada pengajaran yang membina pemikiran kritis, nilai kemanusiaan dan kesedaran sejarah dalam kalangan murid.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran sejarah bergantung pada keseimbangan antara pengetahuan dan empati. Guru yang memiliki pengetahuan sejarah yang kukuh bukan sahaja mampu menyampaikan fakta dengan tepat, tetapi juga dapat menghidupkan nilai kemanusiaan di sebalik setiap peristiwa. Hubungan positif yang signifikan antara tahap pengetahuan guru dengan penerapan empati sejarah membuktikan bahawa kedua-dua unsur ini saling melengkapi dalam membina pedagogi reflektif. Empati sejarah menjadi jambatan antara pemikiran dan perasaan, antara fakta dan nilai. Melalui empati, murid belajar memahami tindakan manusia berdasarkan konteks sejarahnya, bukan dengan menilai menggunakan kaca mata masa kini. Keupayaan ini menjadikan mereka lebih berfikir secara rasional, menghargai perbezaan dan berperikemanusiaan.

Dari segi teori, dapatan kajian ini menyokong model Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (Shulman, 1986) dan memperluasnya ke dalam konteks afektif, iaitu empati sebagai pelengkap kepada kognisi. Dari segi praktikal, program pembangunan profesional guru perlu menumpukan kepada latihan yang menggabungkan penguasaan kandungan sejarah dengan strategi penerapan empati. Pendekatan ini akan menjadikan pengajaran sejarah lebih berkesan

dalam membentuk pemikiran sejarah dan nilai kemanusiaan murid. Kesimpulannya, melalui kajian ini, kita dapat melihat tujuan utama pendidikan sejarah adalah bukan hanya untuk mengetahui masa lalu, tetapi untuk memahami erti kemanusiaan. Seorang guru yang menguasai ilmu dan mempunyai sikap empati bukan sekadar menyampaikan fakta sejarah, tetapi membimbing murid memahami peristiwa silam, menilai realiti masa kini secara kritis, dan bersedia membentuk masa depan yang mementingkan empati serta nilai kemanusiaan.

RUJUKAN

- Anuar Ahmad, Nelson Jinggan & Nor Asniza Ishak. 2009. Keberkesanan pengajaran guru Sejarah: Satu tinjauan awal. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 63–76.
- Ashby, R. & Lee, P. 1987. *Children's concepts of empathy and understanding in history*. Dalam C. Portal (Pnyt.), *The History Curriculum for Teachers* (hlm. 62–88). London: Falmer Press.
- Barton, K. C. & Levstik, L. S. 2004. *Teaching history for the common good*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Creswell, J. W. 2014. *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Elizabeth Sating & Anuar Ahmad. 2024. Penerapan empati sejarah dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Sejarah bagi meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society* 6: 717–728.
- Endacott, J. L. & Brooks, S. 2013. An updated theoretical and practical model for promoting historical empathy. *Social Studies Research and Practice*, 8(1), 41–58.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nunnally, J. C. & Bernstein, I. H. 1994. *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Ooi, W. Y., Abdul Razaq, A. & Shakila, C. D. 2021. Keberkesanan didik hibur terhadap empati sejarah dalam kalangan murid Tahun Empat di Daerah Kota Setar, Kedah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2): 35–48.
- Shakila Che Dahalan. 2020. Keberkesanan Modul KPSA-21 terhadap Pengetahuan dan Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi serta Empati Sejarah. Tesis Dr Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shulman, L. S. 1986. Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14.
- Tumiran, M. A., Ahmad, A. & Salleh, N. 2025. Pengajaran berasaskan empati dalam konteks pendidikan sejarah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Sejarah Malaysia*, 7(1), 21–34.
- VanSledright, B. 2011. *The challenge of rethinking history education: On practices, theory and policy*. New York: Routledge.
- Yilmaz, K. 2007. Historical empathy and its implications for classroom practices in schools. *The History Teacher* 40(3): 331–337.